

→ ALAM SEKITAR

CUACA PANAS MELANDA NEGARA

Air empangan Sabah hanya bertahan beberapa bulan

→ JANS diarah salur bantuan bekalan air keceemasan

► Kota Kinabalu

Kapasiti air di enam empangan di negeri ini masih beroperasi seperti biasa, namun hanya boleh menampung air beberapa bulan sahaja berikutan kemarau yang berpanjangan.

Menteri Pembangunan Infrastruktur (KPI) Sabah, Datuk Peter Anthony, berkata masalah penurunan kadar pengeluaran air akibat kemarau yang sedang melanda menjejaskan beberapa kawasan di Sabah.

“Selain empangan, tangki simpanan kita juga hanya boleh bertahan beberapa bulan lagi. Saya juga mendapati masalah ini berlaku di kampung-kampung di kawasan pedalaman.

“Oleh itu, saya mengarahkan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) untuk menyalurkan bantuan air keceemasan untuk semua pihak yang terabit. Namun kita ada sedikit kekangan dari segi penghantaran air kerana lori tangki tidak mencukupi,” katanya selepas meninjau proses rawatan kumbahan menggunakan mikroorganisme di Stesen Pam Pempungan, Dah Yeh Villa, Likas dekat sini, semalam.

Beliau berkata kementerianya menerusi JANS akan terus memantau mengenai masalah itu di seluruh Sabah dan berharap akan berlaku hujan dalam masa terdekat.

Mengulas mengenai lawatan di stesen pam berkenaan, Peter ber-



Mohd Saifullah meninjau ikan yang mati akibat kekurangan oksigen berikutan cuaca panas di Tumpat, semalam.

kata pihaknya akan menambah sekurang-kurangnya tiga lagi petugas di setiap 11 stesen pam pempungan di seluruh Kota Kinabalu bagi memastikan kerja-kerja di stesen pam berkenaan dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur.

“Kini kontraktor yang telah dilantik juga sedang membaik pulih saluran paip kumbahan yang telah pecah dan menyebabkan limpahan di sekitar Likas, sehingga menyebabkan masalah bau di sekitar kawasan berkenaan.

Penternak ikan berdepan kerugian

Sementara itu di Tumpat, hampir 100 penternak ikan kerapu dan siakap dalam sangkar di Laguna Tujoh di sini, berdepan kerugian apabila

cuaa panas di Kelantan sejak dua minggu lalu menyebabkan banyak ternakan mereka mati.

Seorang penternak, Zailani Ariffin, 33, berkata setiap hari jumlah ikan yang mati semakin meningkat berbanding bulan lalu.

Beliau berkata, cuaca panas dan paras air di kawasan laguna yang semakin menyusut menyebabkan bekalan oksigen di dalam air berkurangan. Sekali gus memberi kesan kepada ternakan menyebabkan ikan mudah kehilangan sisik dan cepat mati.

Katanya, penternak ikan sangkar mula menggunakan enjin gah dan ‘blower’ bagi mengatasi masalah itu daripada terus berlanjutan.

“Kami berusaha menggunakan

pelbagai alternatif bagi menyelamatkan ternakan daripada mati kerana sudah mengeluarkan kos yang besar untuk membeli anak ikan kerapu dan siakap yang mencecah RM1.50 seekor selain membeli makanan ikan,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penternak Ikan Laguna Sri Tujoh, Saifullah Che Mat, berkata kira-kira 50 tan metrik ikan mati di laguna berkenaan setiap tahun dengan anggaran kerugian kira-kira RM750,000.

Saifullah berkata, penyusutan paras air akibat cuaca panas menyebabkan kadar kemasinan meningkat dan memberi kesan kepada ternakan apabila tidak mendapat bekalan oksigen yang mencukupi.

BERNAMA